

# prihatin

BERITA SPANCO

*sentiasa bersama mu*

JILID 3  
12

JUL - SEPT



**12**  
PUSAT SERVIS  
WILAYAH BANGI  
MULA BEROPERASI



**20**  
PEMANDUAN  
AGRESIF  
HAUSKAN BREK



**22**  
6 LANGKAH  
TINGKAT KESIHATAN  
JANTUNG


## Kemalangan Jalan Raya Bawa Padah Kepada Mangsa Dan Keluarga

# Profil dan Maklumat Utama

## Fleet Kerajaan Persekutuan Malaysia Seliaan SPANCO Sdn Bhd

(Dikemaskini 19 November 2012)

### Profil Fleet Mengikut Model



### Tahap Ketersediaan Kenderaan

	Jumlah kereta	Peratus
Tersedia	8,776	90.25%
VOR – Kemalangan/Kerosakan	82	0.84%
VOR – Sedang menjalani servis	337	3.47%
VOR – Sedia untuk diambil	529	5.44%

\* VOR - Vehicle off road

### Peringatan Servis

	Sampai tempoh	1 bulan	2 bulan
Servis Penyenggaraan	468	494	905



## Kemalangan Jalan Raya Bebankan Mangsa, Keluarga dan Negara

TIRAI tahun 2012 akan berlabuh tidak lama lagi. Namun ternyata kes kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kecederaan, kecacatan kekal dan kehilangan nyawa terus tiada berpenghujung. Kini purata 7,000 kematian direkodkan setiap tahun. Kematian setiap seorang mangsa mengakibatkan negara kerugian purata RM1.43 juta atau RM10 bilion setahun.

Mengikut statistik polis, pada tahun 2010 sebanyak 414,421 kemalangan direkodkan berbanding 397,330 kemalangan pada tahun 2009. Jumlah kes terus meningkat pada tahun 2011 dan sepanjang tahun ini seiring dengan pertambahan jumlah kenderaan di jalan raya setiap tahun.

Kesan lain yang sangat ketara akibat kemalangan jalan raya berlaku terhadap fizikal, mental atau emosi selain sosioekonomi mangsa serta keluarga mereka. Kemalangan akan mencacatkan fizikal mangsa sehingga ada yang kehilangan upaya dan tidak berdaya lagi untuk bekerja menyara diri mahupun keluarga. Sesetengah mangsa lain memerlukan rawatan jangka panjang sekali gus mereka atau keluarga menanggung beban kos perubatan. Kehidupan seseorang juga akan berubah serta-merta kerana individu yang menjadi tempat bergantung sudah tiada lagi atau tidak berupaya bekerja untuk menyara mereka.

Statistik menunjukkan mangsa kemalangan sebahagian besar adalah golongan muda berusia 20 hingga 35 tahun. Ini adalah usia tenaga kerja yang paling produktif dan berpotensi. Jika 55 tahun diambil sebagai usia persaraan, hakikatnya jika masih hidup, mereka boleh menyumbang khidmat tenaga, kemahiran atau kepakaran untuk tempoh 20 hingga 35 tahun lagi.

Pada umur itu juga kebanyakan mangsa adalah ibu bapa kepada sebuah keluarga muda yang mempunyai anak-anak masih kecil. Mereka turut menyara ibu bapa masing-masing yang sudah berusia dan kian uzur. Justeru, kematian mereka akibat kemalangan jalan raya memberi kesan negatif sehingga menjejaskan sosial ahli keluarga yang ditinggalkan.

Sama ada mangsa adalah warga di luar bandar, golongan berkemahiran mahupun kelompok profesional, negara sebenarnya kehilangan tenaga kerja yang sangat diperlukan untuk sama-sama menjana ekonomi dan membina keluarga, masyarakat dan seterusnya negara.

Justeru, kemalangan masih boleh dielakkan jika pemandu mengambil langkah positif termasuk mematuhi peraturan jalan raya, memandu dengan berhemah, merancang perjalanan serta menghindari pemanduan dalam keadaan tubuh tidak sihat atau mengantuk.

Di samping itu, sama pentingnya ialah untuk sentiasa memastikan kereta dijaga dan diservis dengan baik mengikut tempoh atau jadual yang ditetapkan.

**Dato' Hamzah Mohd Salleh**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**





## PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

## SIDANG PENGARANG

Peter Lim  
Zulkifli Abd Aziz  
Rusman Bassri

## PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)  
No. 2, Jalan Perusahaan 2  
Kawasan Perusahaan Batu Caves  
68100 Batu Caves.  
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999  
emel : [prihatin@spanco.com.my](mailto:prihatin@spanco.com.my)  
web : [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my)  
Talian bebas tol : 1-800-88-6999

## PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd  
No. 15, Jalan PBS 14/3  
Taman Perindustrian Bukit Serdang  
43300 Seri Kembangan.  
Tel : 03-8941 4013 Faks : 03-8941 4014

## PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

# Menarik keluaran ini



## PERUTUSAN

- 03** Kemalangan Jalan Raya Bebaskan Mangsa, Keluarga dan Negara

## SERVIS

- 05** Kemalangan Jalan Raya Bawa Padah Kepada Mangsa Dan Keluarga
- 07** Pusat Panggilan 24 Jam Sediakan Bantuan Termasuk Tangani Kemalangan
- 09** Kereta Tunggu Sedia Untuk Kes Tertentu Sahaja
- 10** Apabila Berlaku Kemalangan: Segera Maklumkan SPANCO Walaupun Kecil
- 12** Pusat Servis Wilayah Bangi Mula Beroperasi
- 15** Maklumat Aktiviti Tahap Servis Suku Ketiga 2012: Tahap Ketersediaan Fleet Meningkat
- 17** Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu Tumpu Kepada Perkhidmatan

## TEKNOLOGI

- 19** Enjin Kecil Semakin Popular, Tingkatkan Penjimatan Minyak

## PENJAGAAN KERETA

- 20** Pemanduan Agresif Hauskan Brek

## KESIHATAN

- 22** 6 langkah tingkat kesihatan jantung



# Kemalangan Jalan Raya Bawa Padah Kepada Mangsa Dan Keluarga

MENURUT Forum Pengangkutan Antarabangsa, sebuah badan pemikiran strategik bagi dasar pengangkutan, lebih 6,000 orang terkorban di Malaysia setiap tahun akibat kemalangan jalan raya sejak 2003.

Sumber yang sama turut mendedahkan bahawa punca utama kemalangan jalan raya yang membawa padah adalah kecuai dan memandu secara melulu serta dalam keadaan mabuk.

Pemandu remaja adalah golongan paling ramai yang terlibat dalam kemalangan kerana kurang berpengalaman, tiada perasaan tanggungjawab dan tidak menghormati peraturan.

Selain itu, hilang tumpuan juga antara punca kemalangan. Tabiat berbual semasa memandu membahayakan kerana ia mengganggu tumpuan pemandu.

Walaupun kit bebas tangan dapat memastikan stereng digenggam kemas, namun hakikatnya perhatian akan beralih kepada perbualan di dalam telefon dan bukannya terhadap jalan raya di hadapan.

Justeru jangan gunakan telefon semasa memandu atau jika terpaksa, berhentikan kereta terlebih dahulu untuk menjawab panggilan.

Alkohol, dadah dan muzik juga menjejaskan tumpuan. Ia menyebabkan kecuai yang membawa padah seperti pelanggaran sisi di simpang atau pelanggaran berantai di lebuh raya.

Tragedi kemalangan jalan raya kadang kala boleh menjejaskan mereka yang terlibat sepanjang hayat. Di samping kecacatan fizikal, mangsa juga mengalami trauma dan tekanan mental.

Di Malaysia, kemalangan maut jalan raya menjadi antara masalah utama kerana bilangan mangsa yang ramai dan semakin meningkat. Ia bukan sahaja memberi kesan



Punca utama kemalangan jalan raya yang membawa padah adalah kecuai dan memandu secara melulu serta dalam keadaan mabuk.

## Ringkasan Statistik

- Setiap 1.77 orang di Malaysia memiliki kereta.
- Kadar kemalangan jalan raya adalah 2.35% setiap tahun. Ini bermakna, bagi setiap 100 buah kereta, 2–3 buah akan mengalami kemalangan dalam setahun.
- 2.0% daripada kemalangan membawa kematian atau, bagi setiap 100 kemalangan, terdapat 2 kematian.
- 414,421 kemalangan jalan raya dilaporkan pada 2010, manakala 397,330 pada 2009, iaitu peningkatan sebanyak 4.3%.





kepada individu malah kaum keluarga dan orang di sekeliling.

Justeru sebagai pemandu, kita perlu mengambil iktibar untuk menghindarkan kemalangan. Elakkan kemalangan yang tidak diingini dengan sentiasa:

- mematuhi peraturan lalu lintas
- tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu
- tidak memandu jika di bawah pengaruh dadah atau alkohol
- memastikan kereta dalam keadaan sempurna dan 'roadworthy' dengan mematuhi jadual servis yang ditetapkan.

### 10 punca kemalangan

Kebanyakan kemalangan berpunca daripada kecuai atau silap pertimbangan yang boleh dielakkan. Untuk pedoman bersama, berikut disenaraikan 10 punca kemalangan jalan raya yang paling biasa:

1. Memandu melebihi had laju
2. Menggunakan telefon bimbit
3. Berlumba dan memandu secara melulu
4. Mengekori terlalu rapat
5. Tidak menyesuaikan kelajuan dengan keadaan
6. Gangguan atau hilang tumpuan
7. Gagal berhenti di persimpangan
8. Hilang kawalan di selekoh
9. Cuba mengelak lubang atau objek
10. Memandu dalam keadaan khayal

Jauhi perkara di atas semasa memandu demi keselamatan anda dan penumpang yang dibawa. Ingatlah! Kemalangan mampu dihindari jika kita semua berwaspada semasa menggunakan jalan raya.



### Waspada Terhadap 14 Lokasi Blackspot

Berikut adalah senarai 14 lokasi *blackspot* atau kawasan sering berlaku kemalangan maut iaitu di Perak, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang dipasang kamera Sistem Penguasaan Automatik, AES (bagi fasa percubaan):

- |  |  |
|--|--|
| 1 KM 7 Jalan Maharajalela<br>Teluk Intan       | 8 KM D7.7 Sungai Besi,<br>Kuala Lumpur |
| 2 KM 376, L/Raya PLUS - Slim River             | 9 Jalan Persiaran Timur, Putrajaya     |
| 3 KM 91 Jalan Ipoh -Butterworth                | 10 KM 301.9, Kajang                    |
| 4 KM 85.5 Jalan Ipoh -Kuala Lumpur             | 11 Jalan Lebuhr Sentosa, Putrajaya     |
| 5 KM 205.6 PLUS - Taiping Utara                | 12 KM 6.6 Jalan Kajang/ Puchong        |
| 6 KM 26 Jalan Ipoh -Kuala Kangsar              | 13 Jalan Klang Lama                    |
| 7 Jalan Pasir Putih, Ipoh<br>(berhampiran TNB) | 14 Jalan Ipoh                          |

Terdapat lebih 800 *blackspot* yang dikenal pasti di seluruh Malaysia yang akan dipasang kamera AES bagi fasa seterusnya.

Menggunakan kamera gambar dan video berteknologi tinggi, AES berupaya mengesan dan merakam secara automatik sebaik sahaja mana-mana kesalahan lalu lintas dilakukan di kawasan terbabit.

Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.



Pusat Panggilan 24 Jam

# Sediakan Bantuan Termasuk Tangani Kemalangan



## KESELESAAN

pelanggan sentiasa menjadi keutamaan SPANCO dalam membekalkan perkhidmatan pengurusan fleet yang terbaik termasuk menyediakan Pusat Panggilan 24 jam melalui talian bebas tol **1-800-88-6999**.

Pusat Panggilan yang beroperasi tujuh hari seminggu dan sepanjang tahun itu boleh dihubungi pelanggan pada bila-bila masa jika menghadapi sebarang masalah dengan kereta SPANCO seperti kerosakan enjin, kecemasan, kecurian termasuk kemalangan.

Sebaik sahaja panggilan diterima, kakitangan Pusat Panggilan akan merujuk rekod di dalam sistem teknologi maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu yang membekalkan data terkini mengenai latar belakang dan sejarah penyenggaraan kereta terbabit.

Pusat Panggilan dianggotai kakitangan yang mahir lagi berpengalaman dan disokong oleh rangkaian servis SPANCO

terdiri daripada dua Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves dan di Bangi, Selangor di samping lebih 200 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.



Perkhidmatan Pusat Panggilan 24 jam disediakan selaras komitmen Pengurusan Fleet Profesional untuk memastikan pelanggan menikmati pengalaman pemotoran yang lancar tanpa sebarang masalah.

Bagi pelanggan yang mengalami

kerosakan atau kemalangan di Lembah Klang, Pusat Panggilan akan mengarahkan pasukan bantuan SPANCO segera ke lokasi kejadian. Manakala di luar Lembah Klang pula, PSD yang berdekatan akan dimaklumkan untuk bantuan selanjutnya.

Untuk kerosakan kecil, pasukan bantuan akan cuba membaikinya di tempat kejadian tetapi jika kerosakan teruk dan perlu diberi perhatian selanjutnya maka kenderaan itu perlu ditunda ke pusat servis.

Apa pun, matlamat SPANCO ialah memastikan kenderaan dibaiki segera supaya pelanggan dapat meneruskan perjalanan mereka dengan selamat.

Perkhidmatan Pusat Panggilan 24 jam disediakan selaras komitmen Pengurusan Fleet Profesional untuk memastikan pelanggan menikmati pengalaman pemotoran yang lancar tanpa sebarang masalah.



## Percuma untuk segala pertanyaan, urusan

Perkhidmatan Pusat Panggilan turut meliputi segala keperluan berkaitan perkhidmatan Pengurusan Fleet Profesional SPANCO.

Ini bermakna sesiapa saja yang menggunakan kenderaan SPANCO boleh menghubungi Pusat Panggilan untuk mendapatkan perkhidmatan, membuat pertanyaan ataupun aduan.

Anda boleh menelefon **1-800-88-6999** untuk:

- Mengetahui status servis dan pembaikan kereta anda.
- Menempah temu janji servis.
- Memohon kit penjagaan kereta.
- Membuat aduan.
- Memberi maklum balas mengenai perkhidmatan SPANCO.

Sekiranya pelanggan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana PSD atau terdapat percanggahan mengenai servis mahupun pembaikan yang diterima, anda dinasihatkan menghubungi **1-800-88-6999** segera.

## Terlatih, berpengalaman

Pusat Panggilan dikendalikan petugas terlatih lagi berpengalaman untuk menangani sebarang kerumitan yang dihadapi pelanggan.

Ia diletakkan di bawah kawal selia Unit Kawalan Senggaraan diketuai Pengurusnya, Tuan Haji Azahari Md Lazim, yang memiliki pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang servis automotif termasuk pernah berkhidmat di syarikat terkemuka Cycle & Carriage Bintang.

Seramai 13 kakitangan menganggotai Unit Kawalan Senggaraan. Selain Haji Azahari, mereka adalah:

- Richard Velayuthan, Penolong Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal.
- Hebat Azali Mat Jalid, Eksekutif Kawalan Senggaraan dan Teknikal (Audit Servis).
- Abdel Aziz Sahrim, Eksekutif Kawalan Senggaraan.



- Mohd Ishak Shukor, Eksekutif Kawalan Senggaraan.
- Mohd Zaid Ilias, Eksekutif Kawalan Senggaraan.
- Abdul Rahman Nawar, Kawalan Senggaraan.
- Hafiz Md Isa, Kawalan Senggaraan.
- Mohd Suhairi Abdul Manan, Kawalan Senggaraan.
- Mohd Farhan Noh, Kawalan Senggaraan.
- Mazdi Jafar, Kawalan Senggaraan.
- Mohamad Arif Bayamin, Kawalan Senggaraan.
- Ahmad Firdaus Md Daud, Kawalan Senggaraan (Tuntutan Insurans).

Dalam menangani panggilan kecemasan yang diterima, Unit Kawalan Senggaraan mensasarkan supaya setiap panggilan dijawab tidak lebih daripada tiga deringan telefon dan pasukan bantuan hendaklah tiba ke lokasi kecemasan atau kemalangan dalam tempoh 45 minit.

Di samping mengendalikan Pusat Panggilan, Unit Kawalan Senggaraan bertanggungjawab untuk menguruskan kerja-kerja pelarasan dan pembaikan kereta-kereta SPANCO. Ini termasuklah beberapa tugas penting seperti:

- Berurusan dengan PSD di seluruh negara.
- Memberikan kod kelulusan.
- Memantau kerja servis dan pembaikan.
- Memantau prestasi PSD.
- Menyediakan kereta ganti untuk pelanggan yang layak.

Menurut Haji Azahari pasukan beliau memikul tugas besar untuk memastikan setiap kerja pembaikan dapat disiapkan dengan cepat dan pada masa yang sama menepati piawaian yang ditetapkan di samping memenuhi kehendak pelanggan.

"Para pelanggan kami mahukan perkhidmatan yang cekap, pantas dan berkualiti. Oleh itu, salah satu sasaran kami ialah meluluskan kod pengesahan bagi setiap permohonan servis yang diminta oleh PSD dalam masa 15 minit," tegasnya.

Pusat Panggilan boleh dihubungi melalui talian bebas tol 24 jam **1-800-88-6999**. Pelanggan diminta menyediakan maklumat penting seperti butiran kenderaan, situasi dan lokasi yang jelas supaya apa jua bantuan yang diperlukan dapat dihantar dengan segera.





## Kejujuran dan semangat kerja berpasukan

Peneraju Unit Kawalan Senggaraan yang mengendalikan Pusat Panggilan, Tuan Haji Azahari Md Lazim merupakan orang lama di SPANCO.

Beliau memiliki pengalaman lebih 25 tahun di dalam bidang servis automotif dan adalah salah seorang kakitangan terawal yang menyertai SPANCO iaitu pada Februari 1994.

Selaku Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal, beliau bersama pasukan yang dipimpinnya bertanggungjawab untuk mengawal selia kereta konsesi yang kini mencecah hampir 10,000 buah.

Fokus utama beliau dan pasukan ialah memastikan kos yang efektif dibelanjakan pada setiap kereta konsesi tanpa mengabaikan atau menjejaskan mutu perkhidmatan.

Berpegang kepada slogan 'Tiada pelanggan - Tiadalah kita', maka perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan merupakan prinsip yang penting di dalam segenap operasi SPANCO serta amat dititikberatkan oleh pihak pengurusan.

Beliau menganggap kepercayaan yang diberikan kepadanya selama 17 tahun menerajui Unit Kawalan

Senggaraan sebagai tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan secara amanah.

Justeru perkara yang amat ditekankan oleh Haji Azahari kepada setiap anggota ialah sentiasa bersikap jujur. Kejujuran merupakan teras utama dalam menguruskan operasi tambahan pula keseluruhan transaksi melibatkan kos yang besar.

Selain itu setiap anggota mesti memiliki semangat kerja berpasukan yang tinggi bagi menjamin kelancaran operasi harian.

Kepada pelanggan-pelanggan SPANCO pula, beliau menasihati supaya mereka tidak sekali-kali mengabaikan notis servis yang diterima dan mesti menghantar kereta untuk menjalani servis mengikut tempoh yang ditetapkan.

Ini dapat menjamin kelancaran operasi fleet, seterusnya pelanggan sendiri mendapat manfaat dari tahap ketersediaan kenderaan (vehicle availability) yang tinggi.



## Kereta Tunggu Sedia Untuk Kes Tertentu Sahaja



PERKHIDMATAN Kereta Tunggu Sedia disediakan kepada pelanggan-pelanggan SPANCO yang menggunakan kereta rasmi.

Hanya pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam berpangkat Jusa C dan ke atas atau setaraf layak memohon Kereta Tunggu Sedia apabila diperlukan.

Selain itu:

- i SPANCO akan hanya membekalkan kereta tunggu sedia untuk pelanggan bagi kes-kes berikut sahaja tertakluk kepada adanya kereta tunggu sedia yang mencukupi:
  - Kereta dimasukkan ke pusat servis untuk tujuan pembaikan dan penyenggaraan melebihi 24 jam; dan
  - Kereta terlibat dalam kemalangan
- ii Kereta tunggu sedia akan dibekalkan dalam tempoh 8 jam

sekiranya Kereta Rasmi dihantar untuk pembaikan dan penyenggaraan di kawasan Lembah Klang dan dalam tempoh 48 jam di luar kawasan Lembah Klang.

- iii Bekalan kereta tunggu sedia **tidak dibuat** untuk pelanggan bagi kes-kes berikut:
  - Kereta terlibat dalam kemalangan yang diiktiraf lupus oleh syarikat insurans (constructive total loss); atau
  - Kereta dicuri.
- iv Pelanggan hendaklah memulangkan kembali kereta tunggu sedia dalam tempoh 8 jam selepas mendapat notis bahawa kerja-kerja pembaikan kereta rasminya telah selesai.

Pelanggan boleh merujuk kepada syarat-syarat penggunaan kereta tunggu sedia yang dihuraikan di dalam Panduan Penggunaan Kereta Rasmi terbitan Kementerian Kewangan.





servis

Apabila Berlaku Kemalangan:

# Segera Maklumkan SPANCO Walaupun Kecil

APABILA berlaku kemalangan, pelanggan sama ada pengguna atau pemandu perlu melaporkan kemalangan kepada SPANCO melalui talian bebas tol **1-800-88-6999** secepat mungkin dengan mengemukakan butir-butir berikut:

- nama
- nombor daftar kereta
- nombor telefon untuk dihubungi
- lokasi kereta
- masalah kereta

Di lokasi kemalangan, pengguna atau pemandu dinasihatkan:

- bertukar maklumat dengan pihak terlibat – nama, alamat, butiran kenderaan dan nama syarikat insurans;
- mencatat nama dan alamat saksi atau anggota polis dan balai polis;
- mencatat waktu, tarikh, lokasi, keadaan cuaca dan jalan raya;
- gunakan borang yang disediakan di dalam buku kecil Panduan Perkhidmatan & Pusat-Pusat Servis



Jika penundaan diperlukan, kereta hanya ditunda ke PSD atau ke balai polis terdekat.

SPANCO\* bagi mencatat maklumat yang diperlukan.

- jangan sekali-kali membuat pengakuan liabiliti.

(\*Buku panduan ini dibekalkan di dalam setiap kereta SPANCO)

Pengguna/pemandu dikehendaki menunggu bantuan daripada SPANCO. Kakitangan atau wakil SPANCO akan dihantar untuk membawa kereta yang terlibat ke pusat servis diiktiraf (PSD). Jika penundaan diperlukan, kereta hanya ditunda ke PSD atau ke balai polis terdekat.

Laporan mengenai kemalangan kepada polis perlu dibuat dalam tempoh 24 jam. Butir-butir dalam Laporan Polis hendaklah selaras dengan hal kerosakan kenderaan.

Kemukakan dengan segera, sebaik-baiknya dalam masa dua hari bekerja, dokumen-dokumen berikut ke SPANCO:





- Borang Notis Tuntutan Kemalangan/ Kecurian yang dikeluarkan oleh SPANCO (diuruskan oleh Pegawai Perhubungan Kenderaan Jabatan);
- Borang Laporan Kemalangan Kenderaan Bermotor yang dikeluarkan oleh syarikat insurans (diuruskan oleh Pegawai Perhubungan Kenderaan Jabatan);
- satu salinan laporan polis yang disahkan betul;
- salinan kad pengenalan dan lesen memandu pengguna atau pemandu;

Jika keadaan kereta teruk atau tidak boleh dibaiki (constructive total loss), SPANCO akan memaklumkan kepada Perbendaharaan untuk menamatkan pajakan kereta tersebut setelah mendapat pengesahan daripada syarikat insurans.

Permohonan gantian Kereta Rasmi akan dilakukan oleh jabatan pelanggan yang terbabit.

Pelanggan dinasihatkan untuk membuat laporan kepada SPANCO dan

polis mengenai sebarang kemalangan yang berlaku. Jika kemalangan tidak dilaporkan, dikhuatiri pelanggan akan dipertanggungjawabkan ke atas kesemua kos yang terlibat akibat kemalangan tersebut.

Akhir sekali ingatlah supaya jangan sekali-kali:

- membuat pengakuan liabiliti;
- membuat kenyataan kepada pihak ketiga melainkan kepada polis;
- menandatangani sebarang dokumen selain laporan polis;
- membenarkan kereta ditunda oleh syarikat yang

tidak diiktiraf oleh SPANCO;

- menyelesaikan kes secara sendiri tanpa penglibatan SPANCO kerana dikhuatiri akan mengakibatkan masalah kemudian;
- membaiki kereta tersebut secara sendiri.

Bagi mengelak kemalangan daripada berlaku, pelanggan SPANCO dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi peraturan, memandu secara berhati-hati dan memastikan kereta mereka dijaga dan diservis dengan sempurna.





# Pusat Servis Wilayah Bangi Mula Beroperasi



DEMI memenuhi keperluan dan keselesaan pelanggan, sebuah lagi mercu tanda SPANCO diwujudkan apabila Pusat Servis Wilayah (PSW) Bangi yang baru mula beroperasi sepenuhnya pada 10 Jun 2012.

Terletak hanya 2km dari premis lama dan di tapak berkeluasan 2 ekar, pusat servis itu menyediakan pelanggan kemudahan dan infrastruktur yang luas, lapang lagi selesa.

PSW Bangi baru didirikan bagi mempertingkatkan lagi kecekapan operasi pengurusan fleet dan memperbaiki tahap kepuasan pelanggan khususnya Kerajaan Malaysia.

Mengambil pusat servis utama di Batu Caves sebagai penanda aras, PSW Bangi menyediakan perkhidmatan berintegrasi sepenuhnya melalui konsep servis di bawah satu bumbung.

Sebagaimana PSW Batu Caves, premis PSW terbaru itu turut mengoptimumkan penggunaan tenaga selain mesra alam sekitar.

Operasi PSW Bangi digerakkan oleh 20 mekanik termasuk fomen yang bertugas menggunakan pelbagai kemudahan dan peralatan serba baru lagi canggih.

Premis SPANCO terbaru ini juga menyediakan kaunter servis yang luas, petak letak kereta yang banyak dan ruang menunggu yang selesa lagi mesra buat pelanggan.

Di samping itu turut dimanfaatkan ialah sistem aliran tugas yang cekap dengan ruang simpanan alat ganti yang lebih luas.

Terdapat 24 petak servis di mana 16 daripadanya khusus untuk servis berjadual dan pembaikan manakala empat petak bagi servis tayar, pengimbangan serta penjajaran. Dua petak lain untuk servis penghawa dingin dan pendawaian manakala dua lagi untuk pemeriksaan.

Dari segi keupayaan, PSW Bangi mampu melaksanakan 90 tugas servis dan pembaikan dalam sehari berbanding 70 tugas di premis lama sebelum ini.

Segala keperluan servis dilakukan di bawah satu bumbung iaitu penyenggaraan berjadual, pembaikan mekanikal, rombak rawat, hawa dingin, pendawaian elektrik, penggantian, pengimbangan dan penjajaran tayar serta pencucian.

Sementara itu, setiap tugas dikendalikan secara tersusun dan lancar melalui peruntukan satu petak servis untuk seorang mekanik.

Subkontraktor juga ditempatkan di bawah bumbung yang sama sekaligus mengurangkan masalah logistik di samping membolehkan kawalan kualiti yang lebih ketat.

Dalam pada itu tahap keselamatan dipertingkatkan melalui pembinaan pagar di sekeliling premis dan penyediaan ruang letak kereta yang dihaskan untuk pengunjung.

PSW Bangi beroperasi 8 pagi – 5.30 petang dari Isnin hingga Jumaat serta pada setiap Sabtu 8 pagi - 1.00 petang. Bagaimanapun untuk kemudahan pelanggan, kaunter servis dibuka seawal 7.30 pagi bagi menerima tempahan.

Sejak dibuka pada Jun lalu, PSW Bangi telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dengan mencatatkan purata kemasukan kereta sebanyak 75 unit sehari.

Sehubungan itu, hasrat dan harapan SPANCO ialah supaya pegawai serta kakitangan perkhidmatan awam menjadikan pusat servis moden dan termaju ini sebagai pilihan utama untuk segala urusan servis fleet mereka.

Pelanggan-pelanggan disarankan supaya mematuhi jadual penyenggaraan dengan menghantar kereta ke pusat servis mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu bagi kereta Proton adalah setiap 10,000km atau 6 bulan yang mana dahulu.







“

Untuk kemudahan pelanggan, kaunter servis dibuka seawal 7.30 pagi bagi menerima tempahan.







## Persiapan bagi pertambahan fleet

Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh berkata pembinaan PSW Bangi yang baru sememangnya telah lama dirancang sebagai persiapan untuk menghadapi pertambahan fleet yang dijangka berlaku.

Disiapkan pada 2011 dengan menelan pelaburan hampir RM8 juta, ia jelas menunjukkan komitmen SPANCO yang tinggi terhadap perniagaannya.

"Pembinaan pusat servis Bangi terbaru bercirikan teknologi terkini adalah bukti bahawa kami serius untuk memberikan perkhidmatan pengurusan fleet yang terbaik kepada Kerajaan Malaysia," tegas beliau.

Menurut Dato' Hamzah, SPANCO komited untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi tahap servis sepanjang tempoh perjanjian konsesi yang dijadualkan berakhir 2018.

Justeru PSW Bangi merupakan kesinambungan di dalam pelaburan jangka panjang SPANCO setelah berjaya membuka PSW Batu Caves pada 2005, kata beliau.

Melalui penyediaan dua pusat servis utama itu, disokong pula oleh rangkaian 200 pusat servis diiktiraf di seluruh negara, servis akan terus dipertingkatkan dengan tahap boleh gerak fleet melebihi 98%.

## PSW Bangi

### Alamat :

No. 6, Jalan 9/1, Seksyen 9  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan

**Tel :** 603 - 8913 5115

**Faks :** 603 - 8913 5000

**Petak servis :** 24

**Kapasiti :** 90 kereta

**Isnin – Jumaat :** 8 pg – 5:30 ptg

**Sabtu :** 8 pg – 1.00 ptg

**Pengurus Cawangan :**

Haji Mohd Wazir Ahmad Kassim



# Maklumat Aktiviti Tahap Servis Suku Ketiga 2012: Tahap Ketersediaan Fleet Meningkat

PRESTASI FLEET MENINGKAT PADA SUKU KETIGA 2012 DENGAN MENCATATKAN *VEHICLE OFF ROAD* (VOR) SEBANYAK 2.27% BERBANDING 2.38% DAN 2.30% PADA SUKU PERTAMA DAN KEDUA SEBELUMNYA. BERIKUTIALAH LAPORAN RINGKAS FLEET KERAJAAN MALAYSIA SELIAAN SPANCO:

## THROUGHPUT

Jumlah *throughput* bagi suku ketiga 2012 (Julai – September) adalah 18,452.

Daripada jumlah itu, Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves melaksanakan 4,667 atau 25.29%; PSW Bangi 3,767 atau 20.42% dan pusat servis diiktiraf (PSD) 10,018 atau 54.29%.

Untuk *throughput* bulanan, Julai mencatatkan 6,367; Ogos 6,521 dan September 5,564.

Ini menjadikan purata bulanan sebanyak 6,151 bagi suku ketiga berbanding 6,495 pada suku kedua dan 5,979 pada suku pertama. Sila rujuk **Jadual 1**.

Jumlah *throughput* dari Januari hingga September 2012 adalah 55,874 di mana 13,855 atau 25% dilakukan oleh PSW Batu Caves; 10,892 atau 19% oleh PSW Bangi dan selebihnya 31,127 (56%) oleh PSD di seluruh Malaysia.

Jadual 1: THROUGHPUT SUKU KETIGA 2012

	Purata Q1	Purata Q2	Julai	Ogos	September
PSW Batu Caves	1,455	1,607	1,556	1,553	1,558
PSW Bangi	1,134	1,242	1,243	1,450	1,074
PSD	3,390	3,647	3,568	3,518	2,932
<b>Jumlah</b>	<b>5,979</b>	<b>6,495</b>	<b>6,367</b>	<b>6,521</b>	<b>5,564</b>

## VOR (VEHICLE OFF ROAD)

Tahap ketersediaan fleet terus mengalami peningkatan apabila mencatatkan purata kereta tidak boleh gerak sebanyak 220 atau 2.27% pada suku ketiga iaitu menurun dari 222 atau 2.30% pada suku kedua dan 229 (2.38%) pada suku pertama.

Purata VOR bagi 2012 setakat September adalah 223 atau 2.32%.

Sasaran Pengurusan Fleet Profesional adalah 200 unit tidak boleh gerak pada satu-satu hari daripada keseluruhan fleet yang berjumlah hampir 10,000 buah.

Secara perbandingan, peratusan VOR yang ditetapkan dalam terma perjanjian adalah lebih tinggi pada 3%.

### THROUGHPUT BAGI SUKU KETIGA 2012 (JULAI – SEPTEMBER)

**18,452**

PUSAT SERVIS WILAYAH BATU CAVES

**25.29%**  
(4,667)


PUSAT SERVIS WILAYAH BANGI

**20.42%**  
(3,767)

PUSAT SERVIS DIIKTIRAF

**54.29%**  
(10,018)

## TEMPOH SENGGERAAN



Sebanyak 71% servis disiapkan pada hari yang sama, 12% mengambil masa sehari, 5% (2 hari), 6% (3-5 hari) dan 6% (6 hari atau lebih).

Di PSW Batu Caves, peratusan servis yang disiapkan pada hari yang sama adalah 42.28%.

Di PSW Bangi, 68.17% servis disiapkan pada hari yang sama dan di rangkaian PSD pula adalah 84.58%.

Untuk keselesaan pelanggan, tempoh servis akan terus dipercepatkan dengan memastikan kes-kes yang perlukan tindakan segera (urgent) disiapkan dalam masa 2 jam.

Sementara bagi pelanggan yang memilih untuk menunggu di pusat servis, kereta akan disiapkan pada hari yang sama.



Untuk keselesaan pelanggan, tempoh servis akan terus dipercepatkan dengan memastikan kes-kes yang perlukan tindakan segera (urgent) disiapkan dalam masa 2 jam.

Jadual 3: TEMPOH SENGGERAAN SUKU KETIGA 2012

	Hari yang sama	1 Hari	2 Hari	3-5 Hari	6 Hari atau lebih	Jumlah
PSW Batu Caves	1,856	820	469	634	611	<b>4,390</b>
PSW Bangi	2,472	550	159	218	227	<b>3,626</b>
PSD	8,377	743	205	263	316	<b>9,904</b>
Peratus Keseluruhan	71%	12%	5%	6%	6%	<b>17,920</b>





## SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN FLEET BERSEPADU

# Tumpu Kepada Perkhidmatan

FAKTOR lokasi dan jarak bukanlah penghalang dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.

Selaras dengan itu, selain kemudahan pusat servis yang serba lengkap, sebuah sistem teknologi maklumat (IT) turut dibangunkan bagi menyokong perkhidmatan SPANCO.

Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu dibangunkan sendiri pasukan IT SPANCO bersandarkan pengalaman yang ditempa dalam industri pengurusan fleet sejak 1993.

Sejak beroperasi, sistem telah melalui beberapa peringkat pembaharuan dari masa ke semasa. Ia berorientasikan perkhidmatan (service-oriented) dan menggabungkan pelbagai modul yang berintegrasi sepenuhnya.

Pelaksanaan sistem IT yang berkesan dan diyakini adalah selaras aspirasi untuk menyediakan kemudahan terbaik kepada

rakan niaga khususnya pelanggan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang sentiasa dipertingkatkan.

### FLEET ONLINE YANG MESRA PENGGUNA

Portal Fleet Online adalah kemudahan IT yang dibangunkan khusus untuk pelanggan SPANCO. Ia dilancarkan pada April 2009 menggantikan portal dalam talian yang digunakan sebelum itu.

Secara ringkasnya, ia membolehkan pelanggan melihat setiap kereta atau kumpulan kereta yang dipajak dan maklumat yang berkaitan melalui perkhidmatan berasaskan web.

Pelanggan boleh mencapai maklumat dan butiran kenderaan seperti status pembaikan, tarikh servis berikutnya, jumlah saman tertunggak, status pesanan, tahap kesediaan fleet dan sebagainya secara dalam talian dan dalam masa nyata.

### MODUL YANG MENUMPUKAN KEPADA PERKHIDMATAN DAN BERFUNGSI SECARA BERSEPADU ADALAH SEPERTI

- Pengurusan pesanan kenderaan.
- Pengurusan maklumat kenderaan.
- Pengurusan pengguna dan pemandu.
- Pelupusan dan penamatan.
- Program penggantian.
- Pengurusan dan kawalan woksyp.
- Pengurusan pusat servis diiktiraf.
- Inventori alat ganti.
- Pengurusan kemalangan dan saman.
- Pengebilan dan invoice.



### ANTARA CIRI-CIRI ASAS FLEET ONLINE ADALAH:

- Papan pemuka pelanggan (customer dashboard) dalam talian.
- Paparan skrin yang mengandungi semua maklumat fleet utama, yang membolehkan pelayar meninjau keadaan dan profil masing-masing.
- Maklumat termasuklah profil fleet, status pesanan dan penghantaran kenderaan, tahap kesediaan fleet, status kemalangan dan saman.
- Keupayaan untuk pembutiran lanjut.
- Maklumat boleh diketahui dengan lebih mendalam melalui pautan skrin ke skrin yang dihubungkan terus ke sumber.
- Kemudahan akses dan saringan maklumat fleet atau kenderaan tertentu.

Seiring bidang IT yang sentiasa berkembang, Portal Fleet Online turut mengalami beberapa peringkat

### FAEDAH UTAMA PORTAL FLEET ONLINE

- Mengurangkan beban pelanggan dalam menguruskan maklumat fleet melalui pencapaian yang cepat dan segera.
- Pelanggan boleh menggunakan maklumat dalam talian untuk laporan mereka pada bila-bila masa yang diperlukan.
- Konsep *do-it-yourself* (DIY) yang mudah dan tersuai.

pembangunan semula yang menyeluruh untuk memberikan pelanggan suasana baru dalam pencapaian maklumat fleet yang lebih mudah dan mesra.

Pelanggan boleh menggunakan perisian ini dengan mengakses Fleet Online di laman web rasmi SPANCO di [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my). Untuk menggunakannya, pelanggan perlu mempunyai ID pengguna dan kata laluan sah yang diberikan oleh SPANCO untuk log masuk.

### ASC E-APPROVAL MUDAHKAN URUSAN PSD

Sementara itu, *ASC e-approval* adalah satu modul dalam Sistem Pengurusan Fleet Bersepadu yang menggabungkan maklumat lengkap pelanggan, kenderaan yang digunakan dan sejarah penyenggaraan.

Aplikasi itu membolehkan pusat servis diiktiraf (PSD) mendapatkan kod kelulusan melalui Internet serta-merta di mana petugas di pusat servis dan di Pusat Panggilan merujuk kepada sumber maklumat yang sama dan dalam masa nyata.

Setiap kali sebuah kenderaan SPANCO dibawa masuk ke mana-mana pusat servis, petugas yang mahu melakukan servis ataupun pembaikan yang dikehendaki, hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran bagi menyemak status dan sejarah kenderaan itu.

Melalui perkhidmatan *ASC e-approval*

dan penghantaran gambar kerosakan dan kemalangan secara digital, permohonan PSD dapat diluluskan segera seterusnya tempoh untuk menyiapkan servis dan pembaikan mampu dipendekkan.

### KELEBIHAN ASC E-APPROVAL

- Proses melalui Internet.
- Kelulusan pantas 15 minit.
- Hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran untuk menyemak sejarah servis dan pembaikan kereta.
- Rekod dikemaskini secara automatik.
- Memaparkan harga alat ganti terkini.
- Pelanggan mendapatkan semula kereta yang diservis dengan lebih cepat.

Untuk memberi lebih manfaat kepada pelanggan fleet, sebuah sistem yang baru telah dilancarkan pada Oktober 2012 dalam meningkatkan lagi kawalan dan kecekapan transaksi *ASC e-approval*.

PSD boleh mengakses perkhidmatan *ASC e-approval* dengan melayari laman web rasmi SPANCO di [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my).



# Enjin Kecil Semakin Popular, Tingkatkan Penjimatan Minyak

CUBA bandingkan telefon mudah alih pertama buatan Motorola pada 1973 yang besar dengan iPhone 5 terkini yang kecil. Komputer pertama pada pertengahan abad yang lalu mengisi ruang yang luas sesebuah bilik, manakala tablet komputer terkini hanya sebesar tapak tangan. Trend teknologi semasa

Apakah faktor yang menjadikan enjin kecil semakin popular di kalangan pengeluar dan pembeli?

Sebenarnya, kereta kompak dengan enjin yang lebih kecil dan cekap mampu

## FAKTOR KECENDERUNGAN KERETA MENGGUNAKAN ENJIN YANG BERTAMBAH KECIL

- Peningkatan harga minyak dunia menjadikan kereta ekonomi lebih popular di kalangan pembeli.
- Ia menuntut pengeluar kereta memperuntukkan pelaburan yang lebih besar dalam memperbaiki kecekapan enjin mereka.
- Peraturan baru mewajibkan pengilang dan pengeluar membina enjin yang lebih kecil.

## DALAM MEMPERBAIKI KECEKAPAN DAN KUASA ENJIN KECIL, PENGELUAR KERETA TELAH MEMPERKENALKAN TEKNOLOGI SEPerti

- Suntikan bahan api langsung (direct fuel injection) – mencampurkan udara dan gas di dalam kebuk yang mengelilingi piston untuk menghasilkan lebih kuasa secara lebih cekap.
- Pengecas turbo pada enjin kecil – menyuntik lebih gas ke dalam kebuk dan pada masa yang sama daya pecutan dan kuasa bertambah.



yang menumpukan kepada pengecilan ini juga dapat dilihat pada enjin kereta.

Pemandu semakin tertarik kepada enjin kecil yang menjimatkan minyak, terutama model empat silinder yang memberi lebih kuasa kuda berbanding model sebelumnya. Teknologi baru ini membolehkan kereta berenjin kecil menyaingi kelajuan kereta lama yang berenjin lebih besar.

Laporan menunjukkan enjin kereta moden mengecil manakala kecekapannya pula meningkat. Penjimatan minyak semakin diperbaiki sejak beberapa tahun ke belakang ini, mencapai lebih 40 batu segelen untuk kereta hibrid dan subkompak.

melaksanakan tugas yang serupa berbanding kereta besar lain, pada kos yang lebih rendah.

Pelbagai teknologi baru diperkenalkan oleh pengeluar bagi memperbaiki kecekapan enjin kecil antaranya 'direct fuel injection', 'turbo charger' dan reka bentuk kereta yang aerodinamik.

Penurunan saiz keseluruhan enjin dan ruang yang diperlukan bagi menampungnya membolehkan enjin digunakan di dalam kereta kompak, seterusnya menjadikan kereta lebih ringan dan menjimatkan minyak.

Trend ini didorong oleh kenaikan harga bahan api dan keperluan untuk

mengurangkan impak negatif kereta terhadap alam sekitar.

Penurunan isipadu enjin dan berat keseluruhan kereta membolehkan kereta dipandu lebih jauh dan lebih laju pada kos yang lebih murah. Kereta kini rata-rata dikuasakan dengan enjin yang telah direka bentuk semula dan lebih kecil daripada model terdahulu.

Terdapat beberapa lagi faktor dalam trend pengecilan enjin seperti mengurangkan kos pengeluaran dan seterusnya harga kereta baru kepada pembeli. Namun, kita tidak dapat menafikan yang dunia moden kini mengiktiraf yang 'kecil' itu besar ertinya.

# Pemanduan Agresif Hauskan Brek

PEMANDUAN yang agresif, memecut dan membrek secara mengejut selain kerap terperangkap di dalam kesesakan adalah antara faktor yang boleh mempercepatkan kehausan brek, demikian menurut Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal SPANCO, Tuan Haji Azahari Md Lazim.

Beliau berkata, penggunaan dan hayat brek boleh dioptimumkan jika kita lebih berhati-hati semasa memandu dengan tidak membrek terlalu kuat atau kerap.

“Elak dari mengekori terlalu rapat kerana jika kenderaan di hadapan berhenti secara tiba-tiba, kita akan terpaksa menekan brek dengan kuat dan ini akan menyebabkan ketebalan pelapik brek menjadi berkurangan dengan lebih cepat,” kata beliau.

“Kita juga tidak sepatutnya mengejar lampu trafik kerana perbuatan itu memaksa kita membrek dengan keras apabila lampu bertukar merah.”

Selain itu, pemandu perlu peka kepada sebarang kerosakan dan segera memaklumkan kepada pusat servis jika mengesan masalah seperti bunyi nyaring atau kereta

terpesong apabila brek ditekan.

Brek yang lusuh kurang berkesan justeru membahayakan pemandu dan penumpang yang dibawa.

## **Brek cakera, dram dan ABS**

Brek jenis cakera menggunakan rotor bulat yang berputar bersama roda. Secara ringkasnya, apabila pemandu memijak brek, rotor atau cakera akan dikepit oleh pelapik brek bagi memberhentikan putaran roda.

Bagi jenis dram pula, apabila brek ditekan, pelapik atau ladam akan menekan permukaan dram dari dalam untuk memberhentikan putaran roda.

Brek cakera lazimnya digunakan pada roda depan manakala brek dram pula pada roda belakang. Bagaimanapun bagi

kereta mewah dan sport, brek cakera yang berprestasi tinggi digunakan pada keempat-empat roda.

Selain brek cakera dan dram, kereta masa kini juga turut memanfaatkan ABS atau Sistem Brek Anti-kunci. ABS berfungsi untuk menstabilkan pergerakan kereta semasa brek ditekan di samping mengelakkan kereta daripada tergelincir dan roda daripada terkunci.

## **Kenapa brek depan cepat haus?**

Oleh kerana berat kenderaan dianjakkan ke hadapan semasa membrek, maka brek pada roda depan perlu menampung lebih beban bagi





memberhentikan pergerakan. Ini bermakna brek depan lebih cepat lusuh berbanding brek pada roda belakang.

Cara pemanduan mempengaruhi kelusuan brek. Pemandu agresif yang kuat menekan brek lebih cenderung menyebabkan brek depan cepat menipis berbanding pemandu yang menekan brek secara cermat. Juga, pemandu yang banyak menghabiskan masa dalam lalu lintas sesak akan mendapati breknya cepat haus.

### Kenapa brek cepat rosak

Cara memandu tertentu boleh mempercepatkan kehausan brek. Lalu lintas sesak paling banyak menyebabkan brek haus tetapi gaya pemanduanlah yang sebenarnya menyebabkan kehausan lebih awal.

"Pemanduan agresif menyebabkan lebih banyak brek digunakan kerana pemandu perlu menekan dengan kuat untuk memberhentikan kenderaannya," kata Haji Azahari.

Justeru cara terbaik memaksimumkan hayat brek ialah mengelakkan pemanduan agresif dan lalu lintas yang sesak.

Selain itu, ada baiknya untuk memandu dengan kelajuan yang stabil dan tidak meletakkan kaki di atas pedal brek dalam keadaan tidak perlu menggunakannya.



### Tip menggunakan brek

- Jangan brek mengejut – banyak haba dihasilkan setiap kali brek ditekan.
- Suhu terlalu tinggi boleh mengakibatkan rotor brek melengkung seterusnya mengurangkan keberkesanan brek.
- Jangan memecut ke arah lampu trafik yang sedang bertukar – amalan ini tidak sahaja cepat menghauskan brek tetapi juga meletakkan penumpang dalam keadaan cemas dan tidak selesa.
- Penggunaan brek secara cermat menjimatkan minyak manakala tayar, brek dan suspensi tahan lebih lama.

## Penjagaan brek secara ringkas

Minta pusat servis untuk memeriksa yang berikut:

- Paras bendalir brek.
- Kabel brek (jika ada) untuk mengesan karat dan bocor.
- Hos brek untuk sebarang rekahan.
- Pelapik brek untuk kelusuan atau kesan kebocoran.
- Bearing roda.
- Brek tangan.

Peka kepada tanda-tanda kerosakan yang berikut:

- Bau hangit pada tayar.
- Bunyi nyaring.
- Pedal brek yang kurang anjal.
- Kereta terpesong apabila membrek.

Hantar kereta untuk pemeriksaan jika anda mengesan masalah di atas.



Brek yang lusuh kurang berkesan justeru membahayakan pemandu dan penumpang yang dibawa.



# 6 langkah tingkat kesihatan jantung



SABAN tahun, dianggarkan 17.5 juta orang meninggal dunia akibat serangan jantung dan angin ahmar. Di Malaysia, penyakit jantung merupakan pembunuh utama sejak tiga dekad yang lalu.

Statistik perubatan terkini pula menunjukkan kebanyakan orang sudah pun menghadapi penyakit jantung atau berisiko tinggi untuk menghidapinya.

Ini bermakna ramai daripada kita akan mengalami sakit jantung kecuali jika langkah pencegahan diambil mulai sekarang untuk meningkatkan kesihatan jantung kita.

Tidak kira sama ada anda masih sihat, berisiko ataupun yang telah pun berpenyakit, berikut adalah enam langkah untuk meningkatkan kesihatan jantung anda.



## 1 Kurangkan gula dan garam

Mengurangkan dua bahan ini dalam diet akan meningkatkan kesihatan jantung. Garam meningkatkan tekanan darah manakala gula meningkatkan berat badan. Ini memaksa jantung bekerja lebih keras. Dengan mengurangkan garam dan gula dalam makanan proses atau segar, kesihatan jantung akan lebih baik.

## 2 Berjalan

Amalan berjalan pantas setiap hari akan meningkatkan kesihatan jantung dengan membantu mengurangkan berat badan,



menurunkan tekanan darah dan kolesterol yang tidak sihat. Amalan itu juga membantu pra-diabetes kembali normal.

## 3 Amalkan pemakanan sihat

Cara pemakanan sihat yang baik untuk jantung adalah dengan menekankan diet yang mengandungi banyak ikan, buah, sayuran dan bijirin serta mengehadkan jumlah garam, gula, daging merah dan bijirin yang diproses.

## 4 Bersikap positif

Orang yang tertekan dan marah berisiko tinggi mengalami sakit jantung. Dua keadaan itu menyebabkan rembesan hormon stres ke dalam tubuh dan membuat arteri terdedah kepada plak.

Bersikap negatif dan marah juga meningkatkan tekanan darah serta denyut jantung. Oleh itu, luangkan masa berehat dan bertenang, lepaskan kemarahan dan rasa negatif serta bersikap positif setiap hari.



## 5 Beli alat bacaan tekanan darah

Sediakan alat itu di rumah bagi membolehkan anda mengambil bacaan tahap tekanan darah yang normal secara mudah, konsisten dan tepat yang dapat

memberi amaran awal jika ada sesuatu yang tidak kena.

## 6 Berhenti merokok

Tabiat merokok meningkatkan denyut jantung kerana bahan kimia dalam asap menyebabkan darah mudah menggumpal. Orang yang menghidu asap rokok turut mengalami risiko serupa.

Justeru jaga kesihatan anda dengan mengawal pemakanan, kurangkan gula dan garam serta banyakkkan ikan, buah, sayuran dan bijirin segar. Kurangkan tekanan dan ganti tabiat merokok dengan aktiviti riadah yang sihat. Selain itu berfikir positif dan pantau tekanan darah anda.



### Mengurangkan paras kolesterol dan tekanan darah dapat menghindarkan pesakit jantung dari risiko:

- Kematian mengejut akibat masalah jantung
- Sakit dada dan serangan jantung kecil
- Keperluan menjalani pembedahan pintasan jantung atau angioplasti
- Bagi yang masih sihat pula, dapat mencegah dari menghadapi sakit jantung




# Ketahui hak anda

TAHUKAH anda? Perkhidmatan Penyenggaraan dan Pembaikan yang disediakan oleh kami melayakkan pelanggan mendapatkan servis sekerap mana yang diperlukan.

Servis menyeluruh tanpa had ini merangkumi:

- ❖ **Penyenggaraan berjadual**
  - servis kecil (setiap 10,000km)
  - servis utama (setiap 40,000km dan 100,000km)
- ❖ **Penyenggaraan biasa**
  - mengganti tayar
  - servis penyaman udara
  - mengganti bateri
  - alat-alat ganti seperti penyerap hentakan, pad brek dan lain-lain
- ❖ **Penyenggaraan baik pulih**
  - kemalangan & membaiki badan kereta
  - kerosakan mekanikal
- ❖ **Bantuan kecemasan**
  - Pusat Panggilan 24-jam seluruh negara
  - menunda kenderaan



Pelanggan SPANCO diminta supaya **tidak melakukan sendiri** apa jua keperluan servis yang dikehendaki sebaliknya mendapatkannya di Rangkaian Pusat Servis yang disediakan.

**Hubungi Pusat Panggilan  
1-800-88-6999 untuk dapatkan  
temu janji anda.**





# Jangan potong barisan.



**Bersabarlah. Tunggu Giliran Anda.  
Anda Mampu Mengubahnya.**